

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/08/2017

# Sungai Klang bermandi cahaya, pancutan air

BH - 29/8/2017  
Pg. 3

➔ **Projek Kolam Biru** ilham PM tarikan baharu pelancongan ibu kota

Oleh **Ahmad Suhael Adnan**  
ahmad.suhael@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Suasana malam sekitar Sungai Klang di tengah ibu kota, kini berubah wajah apabila disinari cahaya berwarna biru dengan iringan muzik serta pancutan air.

Ini adalah tarikan baharu di kawasan pertembungan Sungai Gombak dengan Sungai Klang di sini, menerusi projek 'Kolam Biru' yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Kolam Biru adalah pelengkap kepada Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) iaitu pengindahan sungai di kawasan Presint 7, yang dikelilingi monumen bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad dan Pasar Seni.

Menerusi projek Kolam Biru, pancaran lampu berwarna biru dipasang pada tebing Sungai Klang, manakala pancuran air pula seolah-olah keluar daripada lampu terbabit.

## Timbul kesan kabus

Pancuran terbabit menimbulkan kesan seperti kabus memenuhi kawasan Sungai Klang, sekali gus menambah keindahan suasana malam kawasan berkenaan.

Kawasan pertembungan dua sungai berkenaan pula dipindahkan dengan kolam biru bersimfoni, iaitu pembinaan air pancut berlatar belakang Masjid Jamek Sultan Abdul Samad berserta sinaran lampu LED dan alunan muzik.

Ketua Setiausaha Kementerian

Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md Ikhlan, berkata sebanyak 2,056 lampu LED dipasang di sepanjang 263 meter Sungai Gombak serta 245 meter Sungai Klang yang terbabit dalam pelaksanaan Projek Kolam Biru itu.

Beliau berkata, 1,047 nozel yang mampu memancarkan air sehingga 15 meter serta 1,551 nozel kabus turut diletakkan di sepanjang tebing sungai berkenaan, menggunakan tiga sumber air.

"Kolam Biru bersimfoni berhampiran Masjid Jamek Sultan Abdul Samad pula menggunakan 183 lampu LED, 148 nozel pancutan serta 44 nozel kabus.

"Projek Kolam Biru adalah pelengkap kepada projek RoL di Presint 7, dan memberikan pemandangan menarik di kawasan yang menggabungkan bangunan warisan serta bangunan moden di ibu negara.

"Ini juga akan mewujudkan satu ikon baharu sebagai tarikan pelancongan di Kuala Lumpur," katanya.



Projek Kolam Biru memberi nafas baharu kepada Sungai Klang.